

PERSPEKTIF PELAJAR TENTANG PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

Norazizalina Mat Najib, Roselan Baki

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Sikap berahsia dan tertutup dalam kalangan masyarakat Malaysia tanpa disedari akan mematkan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling untuk membantu mereka yang berada dalam emosi tidak stabil dan tingkahlaku devian masih di tahap yang tidak memuaskan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk memahami persepsi pelajar terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual semi-berstruktur. Sebanyak 3 orang pelajar Institusi Pengajian Tinggi di sekitar Selangor dipilih menggunakan teknik sampel bertujuan iaitu pelajar-pelajar yang tidak pernah mendapatkan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam tempoh pengajian. Hasil temubual ke atas subjek kajian dianalisis menggunakan teknik pengkodan. Hasil kajian menunjukkan, pelajar tidak memahami dengan jelas fungsi kaunseling, namun percaya bahawa perkhidmatan ini sangat penting untuk membantu orang ramai. Hasil kajian ini juga menunjukkan, pelajar berpersepsi bahawa kaunselor merupakan seorang yang pakar dalam bidang tersebut. Namun begitu, sikap malu pelajar membuatkan mereka tidak mahu untuk berjumpa kaunselor jika dilanda masalah. Pelajar juga berpendapat, sikap ramah kaunselor dan memperbanyakkan promosi mampu meningkatkan kepercayaan pelajar kepada perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Kesimpulannya, perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling wajar diteruskan dan dikembangkan untuk diperkenalkan kepada masyarakat mengenai fungsi dan kepentingan perkhidmatan ini.

Kata Kunci : Perspektif, Pelajar, Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Kualitatif, Temubual

Pengenalan

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) merupakan satu perkhidmatan menolong di antara seorang profesional terhadap seorang atau lebih klien (Corey, 2012). Perkhidmatan B&K ini mula berkembang di institusi dan sekolah-sekolah di Malaysia sejak tahun 1964 lagi dan bertujuan untuk pemulihan, perkembangan, pencegahan serta kaunseling untuk mengurangi salah laku (Maznah Baba & Zainal Madon, 2007) di samping untuk membantu mereka untuk mengenali diri mereka ke arah yang membangun dan positif (Mohammad Aziz Shah, Mohammad Nasir Bistaman, Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Sofian Syed Salim, & Md. Noor Saper, 2009). Perkhidmatan B&K telah wujud pada awalnya di Universiti Teknologi Mara dan di ikuti pula Universiti Malaya sekitar tahun 1960an. Bahkan, penggunaan rangkaian telefon bagi memberikan perkhidmatan menolong telah wujud pada tahun 1970an. Sehingga kini, unit dan perkhidmatan B&K sudah wujud di semua institusi tinggi bagi membantu para pelajar. (Othman Mohamed, 2009).

Walaupun perkhidmatan B&K ini telah lama wujud di Malaysia, tetapi persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan B&K masih di takuk lama. Perkhidmatan ini kurang mendapat sambutan sepertimana di negara-negara luar yang mengiktiraf perkhidmatan B&K. Menurut Vogel, Wester dan Larson (2007), ada individu yang cenderung mempunyai stigma sosial yang negatif terhadap kaunseling. Ini kerana, mereka sering berfikiran bahawa masyarakat lain akan membuat persepsi negatif terhadap individu yang mendapatkan perkhidmatan B&K ini.

Ianya sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Mohamed Shariff Mustaffa dan Roslee Ahmad (2005), menunjukkan, persepsi pelajar terhadap perkhidmatan B&K adalah negatif. Selain itu, hasil kajian yang dilakukan oleh Garret et.al (2008) menunjukkan, remaja tidak meminati untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling walaupun mereka berada pada tahap tekanan yang sederhana. Sebanyak 19% sahaja yang boleh menerima perkhidmatan B&K dan selebihnya tidak. Ini membuktikan, persepsi pelajar yang dalam lingkungan usia remaja berada pada persepsi negatif terhadap perkhidmatan B&K.

Tambahan pula, menurut kajian Suradi Salim (1996), pelajar-pelajar tidak berminat mahu mendapatkan perkhidmatan B&K ini walaupun perkhidmatan ini memberi dan menyediakan kemudahan untuk membantu mereka dari segi pelajaran, peribadi, keluarga dan sebagainya. Kajian mengenai sebab masyarakat tidak mahu mendapatkan perkhidmatan B&K ini



sangat kurang dan hanya tertumpu kepada keberkesanan kaunseling terhadap pelajar dari segi akademik, potensi sendiri dan sebagainya (Mohamed Shariff Mustaffa & Roslee Ahmad, 2005).

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyatakan rasa terkilan kerana masyarakat terutamanya masih berpandangan negatif terhadap perkhidmatan B&K. Ini kerana, menurut beliau, persepsi negatif yang menyatakan perkhidmatan B&K hanya kepada individu yang mempunyai masalah sahaja adalah tidak tepat. (Azizah, 2012).

Justeru, adalah jelas, persepsi terhadap perkhidmatan B&K adalah negatif. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan agar dalam melihat permasalahan sudut pandang dan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan B&K ini. Beberapa persoalan kajian dibangkitkan untuk merungkai perspektif pelajar terhadap perkhidmatan B&K. Persoalan kajian yang pertama ialah, apakah kefahaman pelajar terhadap perkhidmatan B&K. Persoalan kajian kedua ialah, bagaimanakah persepsi pelajar terhadap perkhidmatan B&K. Persoalan kajian ketiga pula, apakah pendapat pelajar untuk memantapkan perkhidmatan B&K.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menjalankan kaedah temubual separa berstruktur. Penggunaan temubual separa berstruktur ini sangat baik dan fleksibel digunakan kerana soalan lain boleh diajukan dan tidak perlu mengulangi soalan yang sama pada setiap subjek yang ditemubual (Noraini Idris, 2010). Kaedah temubual ini digunakan kerana ianya unik untuk menerima maklumat secara lisan dan secara langsung (Mok Soon Sang, 2010). Maka, ianya penting untuk mendapatkan informasi mengenai persepsi pelajar terhadap perkhidmatan B&K dengan lebih mendalam. Ianya bagi mengetahui apakah yang membuatkan persepsi itu wujud dalam diri mereka.

Oleh yang demikian, seramai 3 orang pelajar dijadikan subjek kajian setelah mencapai tahap tepu. Subjek dipilih berdasarkan kriteria yang di inginkan iaitu tidak pernah mendapatkan sebarang perkhidmatan B&K di mana-mana institusi secara formal. Ini adalah kerana, pelajar yang tidak pernah mendapatkan perkhidmatan B&K secara formal di institusi pendidikan diharapkan tidak berat sebelah apabila dikehendaki memberikan maklumbalas mengenai persepsi mereka terhadap perkhidmatan B&K ini. Subjek kajian yang dipilih merupakan pelajar-pelajar daripada 3 buah universiti yang berlainan di sekitar Selangor iaitu di Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasil temubual akan di analisa menggunakan sistem pengkodan iaitu dengan melalui beberapa peringkat sehingga terbitnya tema yang bersesuaian (Mok Soon Sang, 2010). Ianya perlu dilakukan dengan teliti pada hasil temubual yang dilakukan secara transkripsi.

Keputusan Dan Perbincangan

Keputusan kajian dan perbincangan yang telah di analisis dan dihasilkan tema dibentangkan mengikut persoalan kajian.

Data Demografi

Inas merupakan pelajar Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama di Universiti Putra Malaysia. Beliau merupakan pelajar tahun akhir di Fakulti Pengajian Pendidikan. Beliau berumur 26 tahun dan masih bujang. Inas merupakan anak sulung daripada bongsu empat orang adik beradik dan berasal daripada Johor.

Shasha merupakan pelajar Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Pendidikan. Beliau berumur 27 tahun dan merupakan pelajar tahun akhir Insitut Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau merupakan anak bongsu daripada tiga orang adik beradik dan masih bujang. Beliau berasal daripada Kelantan.

Kyra merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana dalam bidang Perundangan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pelajar tahun kedua dan semester kedua di Fakulti Undang-undang. Beliau berumur 27 tahun dan masih bujang. Beliau merupakan anak ke lima daripada 8 orang adik beradik dan berasal daripada negeri Perak.



Kefahaman Pelajar Terhadap Perkhidmatan B&K.

Penasihat

Tema pertama yang terbentuk berdasarkan kepada kefahaman mereka terhadap perkhidmatan B&K ialah ianya dikenali sebagai bentuk Penasihat. Bermakna, para kaunselor akan memberikan khidmat nasihat kepada klien yang datang. Berikut merupakan sokongan kepada tema yang terhasil yang menunjukkan kefahaman subjek terhadap perkhidmatan B&K :

“ Seorang individu yang memberikan khidmat nasihat ataupun contohnya macam beri nasihat kepada murid-murid, tetapi minda semua kan.” (Inas)

“ Bila dengar tentang kaunseling, tup, saya fikir ianya adalah satu khidmat nasihat lah. Maknanya, siapa-siapa yang perlukan khidmat nasihat, kaunseling adalah tempatnya lah.” (Shasha)

Petikan transkripsi ini menunjukkan, mereka memahami konsep kaunseling ini sebagai perkhidmatan memberi nasihat kepada mereka yang mempunyai masalah. Namun begitu, perkhidmatan B&K bukanlah dikenali sebagai bentuk penasihat semata-mata, tetapi lebih kepada khidmat menolong dalam suasana yang terapeutik, kesedaran dan saling memahami (Othman Mohamed, 2009) di antara kaunselor dan klien. Pemahaman subjek mengenai perkhidmatan B&K ini bercanggah dengan definisi B&K yang sebenarnya. Ini disokong dengan kajian kualitatif oleh Mohamed Shariff Mustaffa dan Roslee Ahmad (2005) yang menunjukkan, kefahaman pelajar terhadap unit B&K dan peranan kaunselor telah membuatkan mereka menolak untuk berjumpa kaunselor bagi meluahkan perasaan, masalah serta apa-apa perbincangan yang berunsurkan sokongan diperlukan.

Kajian Collins dan Barker (2009) menunjukkan bahawa, persepsi gelandangan remaja terhadap perkhidmatan kaunseling ini adalah negatif. Ini kerana, mereka merasakan perkhidmatan ini hanyalah membuang masa dan mereka hanya menerima nasihat oleh kaunselor tanpa adanya teknik untuk membantu mereka menyelesaikan masalah. Ini sekaligus merungkai faktor yang membuatkan ketidakfungsian khidmat B&K di institusi mahupun di sekolah-sekolah disebabkan gagal diberi pemahaman yang tepat kepada masyarakat.

Pakar

Tema kedua yang terhasil yang merujuk kepada kefahaman pelajar terhadap khidmat B&K ialah Pakar. Pakar merujuk kepada kaunselor yang mempunyai ilmu dan pengetahuan yang banyak untuk menjalankan perkhidmatannya. Ini kerana, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pakar merujuk kepada mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan yang dalam untuk melaksanakan sesuatu tugas. Maka, hanya pakar yang boleh memberikan kaunseling seperti yang dinyatakan :

“ Seorang yang berilmu, berpengetahuan dan beri nasihatlah, saya rasa. Untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien.” (Inas)

“ Sebab kaunselor ni dia belajar mengenai bagaimana nak tolong bagi nasihat kepada klien kan. Ada knowledge tinggi lah macam tu.” (Kyra)

Jelas, tema pakar menepati intipati yang dinyatakan oleh pelajar ini. Maka, tema ini bertepatan dengan apa yang diperlukan oleh seorang kaunselor yang berfungsi untuk berkhidmat dalam perkhidmatan B&K ini. Menurut Othman Mohamed (2009), seorang kaunselor perlu mempunyai kelayakan terlatih secara mendalam dan terperinci dalam penggunaan teori kaunseling.

Selain itu juga, seorang kaunselor yang bertauliah perlu melepasi syarat yang telah dikenakan oleh Lembaga Kaunselor seperti latihan praktikum dan internship (Lembaga Kaunselor, 2003). Ini jelas menunjukkan, kaunselor perlu dilatih menjadi pakar dan berilmu untuk membantu klien dalam mengurus masalah dan perasaannya. Kepakaran kaunselor diperlukan dalam memberikan perkhidmatan B&K yang berkesan kepada klien sekaligus dapat memberikan gambaran dan persepsi positif masyarakat terhadap perkhidmatan ini.



Selain itu, kaunselor digalakkan untuk meningkatkan ilmu serta kemahiran kaunseling menerusi pelbagai seminar yang dijalankan seperti yang telah disediakan dengan baik peranannya oleh Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA).

Lampu Suluh

Tema ketiga bagi kefahaman pelajar mengenai perkhidmatan B&K ini adalah sebagai Lampu Suluh atau tempat rujukan bagi mereka yang memerlukan bantuan dari aspek emosi dan mental. Erti Lampu Suluh digunakan bagi memperlihatkan kepentingan perkhidmatan B&K ini kepada masyarakat yang memerlukannya pada saat getir dilanda masalah atau ketika tiada tempat mengadu. Berdasarkan temubual ke atas ketiga-tiga subjek, mereka jelas dengan peranan dan kepentingan perkhidmatan ini sehingga merasakan ianya penting dan membantu masyarakat yang dilanda masalah.

Kefahaman pelajar terhadap perkhidmatan ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Abd.Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan (2006) ; Amaludin Ab.Rahman (2008) iaitu, perkhidmatan B&K ini merupakan wadah dan tempat rujukan masyarakat. Ianya bermaksud, rujukan dari segi memberikan maklumat dan sumber yang dapat membantu klien merawat dan mengatasi masalah atau kekusaran yang berlaku.

Menurut Capuzzi dan Gross (2013), permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling telah meningkat dalam kalangan pelajar di Amerika Syarikat berikutan masalah mental dan emosi yang dihadapi mereka. Selain itu, kebanyakan pihak pentadbiran yang mendapatkan perkhidmatan B&K menunjukkan 80% daripada mereka berkongsi masalah peribadi. Hal ini jelas menunjukkan, perkhidmatan B&K ini adalah penting sebagai Lampu Suluh kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, secara kesimpulannya, kefahaman pelajar terhadap perkhidmatan B&K ini masih difahami melainkan kefahaman mengenai fungsi B&K serta peranan kaunselor yang masih lemah dan tidak tepat.

Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan B&K.

Pasif

Tema pertama mengenai persepsi terhadap perkhidmatan B&K ialah Pasif. Ini bermakna, perkhidmatan kaunseling ini ditakrifkan pasif kerana kaunselor tidak dikenali dalam kalangan pelajar. Ianya disebabkan oleh penglibatan kaunselor dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar adalah di tahap yang rendah. Selain itu, kaunselor tidak dikenali kerana kurang berinteraksi dengan pelajar-pelajar secara kerap dan kaunselor hanya tertumpu kepada pelajar yang datang ke pusat kaunseling sahaja. Ini sekaligus mengakibatkan para pelajar tiada kecenderungan untuk mendapatkan perkhidmatan B&K seperti yang dinyatakan di bawah:

“Cuma saya je lah kan, yang rasa, macam tak perlu jumpa kaunselor ni. Orang tak dikenali. Yelah, kita tak kenal dia, dia tak kenal dia, tetiba lak, nak cerita masalah. Macam pelikkan.” (Kyra)

Ini merupakan masalah yang perlu dipandang serius untuk mengetengahkan kaunseling dalam kalangan pelajar. Ini kerana, menurut Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dan rakan-rakan (2003), kaunselor perlu melakukan sebaran iaitu mendekati diri dengan pihak sekolah atau institusi, rakan sekerja, pelajar dan orang ramai. Ini adalah kerana, dengan cara begini, *rapport* ataupun membina hubungan yang baik akan terbina dan terjalin.

Maka, kaunselor digalakkan untuk terus berjumpa dengan pelajar yang bermasalah berbanding mereka datang sendiri berjumpa kaunselor atas sebab terpaksa atau kerana isu yang lain. Ini secara tidak langsung memberikan tanggapan baik kepada pelajar mengenai kaunselor dan akan dikenali dengan sikap menolong yang tinggi (Lambie & Rokutani, 2002).

Malu

Tema kedua mengenai persepsi terhadap perkhidmatan B&K adalah perasaan malu. Ianya merujuk kepada rasa malu atau pelajar terhadap kaunselor jika berjumpa untuk mengadakan sesi kaunseling. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, rasa malu itu membuatkan pelajar



menolak untuk mendapatkan perkhidmatan B&K. Contoh temubual yang dinyatakan subjek adalah :

“ Hmmm, juga sebab malu. Sebab kita tak kenal kan, jadi ada gap tau. Tak macam kawan-kawan kita, kita senang bagitahu kan. Jadi, boleh saya katakan, sebab malu la nak jumpa kaunselor. Nak cerita masalah, takkan nak bagi tahu orang yang tak kenal kan.”(Inas)

“Haa... lagi la malu kan. So saya rasa, masalah yang biasa-biasa atau yang remeh temeh ke, tak perlu jumpa kaunselor. Buat malu je.” (Shasha)

Transkrip di atas menunjukkan, pelajar merasakan malu dan tidak selesa dan untuk bercerita hal-hal privasi kepada orang yang tidak dikenali. Ianya ibarat membuka aib sendiri atau aib orang lain kepada kaunselor. Hasil keputusan ini bertepatan dengan hasil kajian Mohamed Shariff Mustaffa dan Roslee Ahmad (2005) yang menyatakan, pelajar berasa malu untuk berjumpa dengan kaunselor. Ini kerana, pelajar merasakan, kaunselor akan mengingati masalah mereka, pelajar merasakan masalah mereka adalah teruk dan akan diketawakan kaunselor dan pelajar merasa malu bercerita dan meluahkan rasa mengenai hal peribadi mereka (Rahimah Abd.Aziz & Mohamed Yusoff Ismail, 2009).

Perasaan ini akhirnya menjadi penghalang untuk mereka berjumpa kaunselor. Tambahan pula, sikap malu ini sinonim dengan masyarakat dan budaya Malaysia (Mohd. Azhar, 2007) yang lebih gemar memendam daripada membuka cerita kepada umum (Ainon Mohd. & Abdullah Hassan, 2011).

Pendapat Pelajar Untuk Memantapkan Perkhidmatan B&K.

Ramah

Tema pertama pendapat untuk memantapkan perkhidmatan B&K ialah ramah. Ianya bermaksud, untuk memantapkan perkhidmatan B&K ini, kaunselor harus mempunyai sifat ramah kepada para pelajar sebagai salah satu cara untuk memperkenalkan kaunseling. Ini kerana, kaunseling yang efektif adalah daripada ciri kaunselor yang peramah, disenangi dan sabar (Seligman, 2004) kerana, hal demikian akan menarik minat pelajar dan memberikan pandangan pertama yang positif terhadap perkhidmatan B&K (Schmidt, 2010). Ini jelas memperlihatkan akan kepentingan ciri menjadi seorang kaunselor iaitu bukan sekadar mempunyai ilmu serta kemahiran dalam bidang kaunseling, malahan turut diambil kira adalah personaliti dan peranan kaunselor dalam sesebuah organisasi. Sebagai contoh:

“Macam ni lah, ibaratnya, kena turun padang promote. Kalau sekadar tampal poster tapi batang hidung tak nampak pun, tak guna sebab saya rasa, students nak ramah mesra lah kan dengan kaunselor. Nak tengok macam mana orangnya, sikapnya, semua ni saya rasa pentinglah kan. Kalau saya pun, saya nak yang saya kenal macam yang saya cakap tadi.” (Shasha)

Justeru, membina hubungan atau *rapport* sangat penting dalam kaunseling kerana ianya dapat meningkatkan kepercayaan klien (Falvo, 2011) atau pelajar terhadap kaunselor dan dapat mengurangkan rasa bimbang mereka apabila berada dalam sesi kaunseling (Vernon, 2009).

Maka, pemantapan perkhidmatan B&K ini adalah menerusi ciri peramah yang ada pada kaunselor dengan mengenali pihak pentadbiran, rakan sekerja, staf, pelajar dan semuanya dalam institusi. Kaunselor perlu turun padang untuk membina hubungan dengan ramai orang sebagai contoh dengan membuat sesi motivasi bagi pelajar baru seperti yang dinyatakan oleh subjek kajian ini.

Promosi

Seterusnya, pendapat untuk memantapkan perkhidmatan B&K ini ialah melalui kaedah promosi. Tema promosi yang dihasilkan adalah daripada kategori yang dilihat mempunyai perkaitan yang sama iaitu dengan cara membina poster, kain rentang dan diperkenalkan bermula pada peringkat sekolah. Promosi ini penting agar para pelajar mengenali perkhidmatan B&K ini dan mengetahui kewujudan serta fungsinya serta pelajar dapat dibantu bukan sahaja dari sudut emosi malahan dari sudut akademik (Thompson, 2012). Ini sekaligus dapat menyakinkan serta memberi jalan dan



akses mudah kepada para pelajar agar merujuk kepada perkhidmatan B&K ini jika mempunyai masalah atau hanya untuk mendapatkan sumber berkaitan pekerjaan ataupun pendidikan (Chang, Minton, Dixon, Myers & Sweeney, 2012). Seperti yang dinyatakan subjek :

“ Pernahlah dulu, ada minggu bersama kaunselor, siap ada banner bagai, benda tu bagus, sebagai promosi, tapi tak berkesan sangat sebab hanya kain rentang je, tanpa adanya kaunselor di situ untuk promosi. Macam ni lah, ibaratnya, kena turun padang promote. Kalau sekadar tampal poster tapi batang hidung tak nampak pun, tak guna sebab saya rasa, students nak ramah mesra lah kan dengan kaunselor.” (Inas)

Promosi bukan sekadar iklan-iklan atau poster-poster yang ditampal di papan iklan tetapi turut ditekankan adalah penglibatan kaunselor dalam mempromosikan perkhidmatan B&K ini. Menurut Green dan Tones (2010), promosi dari aspek kesihatan samada kesihatan jasmani, rohani dan emosi sangat berkesan dan penting kerana manusia akan cuba untuk menghindarkan diri daripada terjebak daripada penyakit. Ini terbukti, jika tiada promosi dijalankan akan kepentingan perkhidmatan B&K ini, maka, masyarakat ataupun pelajar tidak akan tahu betapa pentingnya perkhidmatan B&K ini iaitu bukan sekadar untuk mencari jalan penyelesaian tetapi membantu klien untuk menyesuaikan diri dan mempelajari kaedah yang sesuai untuk mengurangkan rasa ketidakselesaan emosi. Apabila promosi dijalankan, sekaligus membuka perspektif orang terhadap perkhidmatan B&K ini.

Kesimpulan

Kajian ini dilakukan untuk meneroka persepsi pelajar terhadap perkhidmatan B&K. Kaedah temubual dijalankan dan hasil kajian menunjukkan beberapa tema terhasil bagi menjawab objektif kajian. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan, pelajar-pelajar ini masih mempunyai persepsi yang negatif terhadap perkhidmatan B&K ini seperti rasa malu, etika kerahsiaan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mereka tidak menolak akan kebaikan perkhidmatan B&K ini dan mempunyai kecenderungan yang positif jika akan mendapatkan perkhidmatan B&K ini pada masa akan datang. Maka, dapat dilihat pandangan mereka untuk memantapkan perkhidmatan B&K yang dilihat menjadi salah satu punca yang membuatkan mereka tidak terdedah dengan perkhidmatan B&K dan masih berpersepsi negatif.

Oleh yang demikian, cadangan agar kajian ini dilanjutkan terhadap pelajar-pelajar peringkat sekolah dan dalam kalangan kakitangan awam dan swasta. Ini kerana, peningkatan isu bunuh diri, jenayah semakin berleluasa disebabkan kegagalan untuk mengawal emosi dan pemikiran dengan baik tanpa pernah mendapatkan khidmat daripada pakar. Tambahan pula, kajian persepsi banyak dijalankan secara kuantitatif berbanding kualitatif yang dilihat jauh lebih halus pemahaman mereka terhadap perkhidmatan B&K.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah-pensyarah, dan sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Pusat Siswazah Universiti Putra Malaysia kerana membantu penulis untuk menghasilkan jurnal artikel untuk diterbitkan.

Rujukan

- Abd.Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan. 2006. *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. 2011. *11 Teori dan Prinsip Motivasi di Tempat Kerja*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Amaludin Ab.Rahman. 2008. *Perkhidmatan Kaunseling: Pendekatan dalam Hikmah Berdakwah*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Azizah. 2012. Pandangan negatif terhadap perkhidmatan kaunseling perlu di ubah-KP JKM. *Bernama*. (atas talian). <http://my.news.yahoo.com/pandangan-negatif-terhadap-perkhidmatan-kaunseling-perlu-diubah-kp-065428508.html>
- Capuzzi, D. & Gross, D. 2013. *Introduction to the Counseling Profession*. (6th ed). NY:Routledge.



- Chang, C.Y., Minton, C.A.B., Dixon, A.L., Myers, J.E., & Sweeney, T.J. 2012. *Professional Counseling Excellence through Leadership and Advocacy*. NY: Taylor & Francis Group.
- Collins, P., & Barker, C. 2009. Psychological help-seeking in homeless adolescents, *International Journal of Social Psychiatry*, 55, 372-384.
- Corey, G. 2012. *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy*. (9th ed). Belmont, CA : Cengage Learning.
- Falvo, D.R. 2011. *Effective Patient Education: A Guide to Increase Adherence*. (4th ed). USA: Jones and Bartlett Publishers.
- Garret, S.B., et. Al. 2008. Homeless youth perceptions of services and transitions to stable housing, *Evaluation and Program Planning*, 31(4), 436-444.
- Green, J. & Tones, K. 2010. *Health Promotions: Planning and Strategies*. (2nd Ed.) London: SAGE Publications Ltd.
- Hajah Noresah. 2010. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lambie, G. W., & Rokutani, L. J. 2002. A systems approach to substance abuse identification and intervention for school counselors. *Professional School Counseling*, 5, 353-359.
- Lembaga Kaunselor. 2003. *Piawai dan Kelayakan Latihan Kaunselor*. Kuala Lumpur: Lembaga Kaunselor.
- Maznah Baba & Zainal Madon. 2007. *Kaunseling Individu*. Bentong : PTS Publication & Distributor.
- Mizan Adillah Ahmad Ibrahim. 2003. *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. 2005. Pendekatan temubual sebagai metod kajian kes. Suatu persepsi di kalangan pelajar perempuan cemerlang terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. *Kertas Prosiding 3rd International Qualitative Research Convention*, Skudai, Johor.
- Mohammad Aziz Shah, Mohammad Nasir Bistaman, Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Sofian Syed Salim, & Md. Noor Saper. 2009. *Kemahiran Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Mohd. Azhar. 2007. *EQ: Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Mok Soon Sang. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan: Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw Hill.
- Othman Mohamed. 2009. *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling*. (4th ed). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rahimah Abd.Aziz & Mohamed Yusoff Ismail. 2009. *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schmidt, J.J. 2010. *Counseling in Schools. Essential Services and Comprehensive Program* (3rd ed). Boston : Allyn and Bacon.
- Seligman, L. 2004. *Diagnosis and Treatment Planning in Counseling*. (3rd ed). NY: Springer Science+Business Media, LLC.
- Suradi Salim. 1996. *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling: Kajian Keperluan, Pelaksanaan dan Prospek*. Selangor: Pustaka Akademik.
- Thompson, R.A. 2012. *Professional School Counseling: Best Practices for Working in the Schools*. (3rd ed). NY: Taylor & Francis Group.
- Vernon, A. 2009. *A Handbook of Individual Counseling*. USA: Research Press.
- Vogel, D. L., Wester, S. R., & Larson, L. M. 2007. Avoidance of counseling: Psychological factors that inhibit seeking help. *Journal of Counseling and Development*, 85, 410-422.

